



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

21 Ogos 2015

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

PERDANA PETROLEUM BERHAD (“PPB”) / DAYANG ENTERPRISE HOLDINGS BERHAD (“DEHB”)

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh PPB, jumlah bilangan saham PPB yang dipegang oleh DEHB adalah sebanyak 710,783,665 saham, mewakili 94.96% saham PPB, dan tebaran pegangan saham awam PPB adalah sebanyak 5.2%. DEHB telah menyatakan di dalam Dokumen Tawaran bahawa ia berhasrat untuk mengekalkan status penyenaian PPB dan akan meneroka semua kemungkinan pilihan atau cadangan untuk memulihkan tebaran pegangan saham awam PPB atau mengarahkan PPB untuk meneroka semua kemungkinan pilihan untuk memulihkan tebaran pegangan saham awam PPB dalam tempoh 3 bulan daripada Tarikh Tutup atau tempoh masa lanjutan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan untuk mengekalkan status penyenaian PPB di Bursa Securities.

Memandangkan tebaran pegangan saham PPB adalah kurang daripada 10% daripada Saham Boleh Undi PPB, menurut Perenggan 16.02(2) Keperluan Penyenaian Papan Utama Bursa Malaysia (“MMLR”) Bursa Malaysia akan menggantung dagangan saham PPB berkuatkuasa daripada 30 September 2015. Penggantungan ini hanya akan ditarik balik oleh Bursa Malaysia setelah PPB mematuhi sepatutnya keperluan tebaran pegangan saham awam di bawah perenggan 8.02(1) MMLR atau seperti yang ditentukan oleh Bursa Malaysia.

[Sumber: Pengumuman PPB di laman sesawang Bursa Malaysia pada 13 Ogos 2015 dan 14 Ogos 2015]

KOMEN MSWG:

Kami mengambil perhatian bahawa Bursa Malaysia akan menggantung dagangan saham PPB pada 30 September 2015. Halangan seterusnya adalah jumlah baki saham yang wajib diambilalih oleh Pemberi Tawaran iaitu kira-kira 93.85% daripada jumlah saham PPB.

Kami juga mengambil perhatian bahawa Pemberi Tawaran berhasrat untuk mengekalkan status penyenaian PPB, oleh itu Lembaga Pengarah PPB perlu berusaha untuk mematuhi keperluan tebaran pegangan saham awam tersebut dan patut memohon lanjutan masa daripada Bursa Malaysia jika perlu.

MULTI SPORTS HOLDINGS LTD (“MSHL”)

Pada 20 Ogos 2015, MSHL telah mengadakan 2 mesyuarat agung khas (“SGM”) bagi cadangan variasi dalam penggunaan hasil kutipan daripada penajaan Taiwan Depository Receipt Programme (“TDRP”) (“Cadangan Variasi”), cadangan pengurangan nilai tara (“Cadangan Pengurangan Nilai Tara”) dan cadangan penubuhan skim opsyen saham kakitangan (“Cadangan ESOS”).

Cadangan Variasi telah diluluskan oleh pemegang saham melalui pengundian secara mengangkat tangan, manakala Cadangan Pengurangan Nilai Tara dan Cadangan ESOS telah diluluskan oleh pemegang saham melalui pengundian secara poll.

Keputusan pengundian secara poll adalah seperti berikut:

Resolution(s)	Vote For		Vote Against		Total Votes	
	No of Units	%	No of Units	%	No of Units	%
Special Resolution 1	140,242,525	99.487	722,450	0.513	140,964,975	100.00
Ordinary Resolution 1	140,242,525	99.487	722,450	0.513	140,964,975	100.00
Ordinary Resolution 2	44,118,400	98.389	722,450	1.611	44,840,850	100.00
Ordinary Resolution 3	44,118,400	98.389	722,450	1.611	44,840,850	100.00

[Sumber: Pengumuman MSHL di laman sesawang Bursa Malaysia pada 21 Ogos 2015]

KOMEN MSWG:

Lokasi bagi SGM tersebut telah diubah (dalam resort yang sama tetapi bilik mesyuarat yang berlainan) pada saat-saat akhir tanpa pemberitahuan serta-merta kepada pemegang saham MSHL. Wakil daripada MSWG merasakan bahawa syarikat tidak patut melakukan perubahan ini tanpa memberikan maklumat terlebih dahulu kepada pemegang saham. Lembaga Pengarah bersetuju untuk melewati permulaan mesyuarat selama 20 minit dan juga memohon maaf kepada pemegang saham mengenai perubahan lokasi mesyuarat, memandangkan mereka telah dimaklumkan bahawa perubahan tersebut telah dilakukan oleh pihak pengurusan Putrajaya Marriott & Spa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada syarikat. Walaubagaimanapun, MSWG berpandangan bahawa maklumat mengenai perubahan lokasi tersebut juga perlu diletakkan pada lokasi mesyuarat yang asal.

Di dalam mesyuarat tersebut, pemegang saham telah mengajukan banyak soalan mengenai resolusi berkaitan Cadangan Pengurangan Nilai Tara dan Cadangan ESOS, dan akhirnya kedua-dua resolusi tersebut tidak diluluskan melalui pengundian secara mengangkat tangan. Pemangku Pengerusi seterusnya memanggil untuk pengundian secara poll bagi kesemua resolusi sebelum pengumuman keputusan, di mana akhirnya resolusi-resolusi tersebut telah diluluskan seperti yang tertera di atas.

MSWG telah mengundi untuk menolak Cadangan Pengurangan Nilai Tara, memandangkan syarikat tidak sepatutnya diberikan fleksibiliti untuk meraih lebih banyak dana memandangkan ia masih belum menggunakan sepenuhnya hasil kutipan daripada TDRP sebelum ini. MSWG juga telah mengundi untuk menolak Cadangan ESOS, memandangkan cadangan ini membolehkan kakitangan untuk melanggan sehingga 15% daripada saham baharu syarikat pada harga 10% diskaun kepada harga pasaran purata pasaran 5-hari dan ini akan sangat mencairkan kepentingan pemegang saham yang sedia ada. Harga

pasaran MSHL adalah RM0.08 pada 20 Ogos 2015, iaitu 0.08 kali nilai buku Kumpulan (nilai aset bersih Kumpulan adalah sebanyak RMB1.73 atau kira-kira RM0.98 sesaham).

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.